

## Contoh Cara Pemakaian Pakaian Istiadat (waktu siang)

### Pemakaian Selempang



Selempang boleh dipakai tetapi pastikan Selempang tidak sedarjah dengan Kalung. Dalam gambar ini, Kalung yang digunakan ialah Kalung D.P.. Selempang yang boleh dipakai haruslah Selempang di bawah Darjah D.P. contohnya, dalam gambar ini, selempang P.N.B.S. digunakan.

**NOTA:**


Untuk **WANITA** pemakaian Kalung, Selempang, Bintang, Lencana Leher dan Pingat sama seperti di atas.

## Contoh Cara Pemakaian Pakaian Istiadat (waktu siang)

### Pakaian Kalung dan lain-lain

Hanya Kalung berserta Lencananya perlu dipakai. Selempang yang sedarjah dengan Kalung tidak boleh dipakai.

Maksima tiga (3) Lencana Leher boleh dipakai. Lencana-lencana itu hendaklah disusun dengan yang terkanan paling atas dan diikuti dengan yang lain-lain. Lencana hendaklah disangkut pada lubang butang baju.



Pingat-pingat disemat disebelah kiri baju dan hendaklah disusun sebaris. Dalam susunan pingat-pingat, panjang bingkasnya (bar) tidak boleh lebih daripada lipatan baju di tengah-tengah dada ataupun lebih daripada jahitan baju sebelah bahu. Jika diperlukan, reben kepada pingat-pingat boleh disusun berlapis-lapis.

Maksima tiga (3). Bintang Darjah boleh dipakai. Bintang-bintang itu hendaklah disusun berbentuk tiga segi, yang paling kanan sekali di atas, yang kedua berhampiran tengah baju dan yang ketiga di sebelah kiri seperti yang ditunjukkan dalam gambar ini.

#### NOTA:

Untuk **WANITA** pemakaian Kalung, Selempang, Bintang, Lencana Leher dan Pingat sama seperti di atas.